



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 24 September 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**BILANGAN 12 TAHUN 2020**

**ARAHAN SARINGAN COVID-19 BAGI ANGGOTA BARU PULANG DARI SABAH  
ATAS URUSAN PILIHANRAYA KECIL SABAH PADA 26 SEPTEMBER 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mengikut kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia, catatan kes baru Covid-19 di Malaysia adalah paling tinggi di Negeri Sabah dengan catatan sebanyak 134 kes pada 23 September 2020. Penularan wabak ini semakin kritikal dan semua pihak perlu menjalankan peranan masing-masing dalam mengekang penularan wabak Covid-19 ini.

3. Pihak LGM memandang serius situasi ini dan memutuskan bahawa semua pegawai dan pengkhidmat LGM yang baru pulang dari Negeri Sabah atas urusan Pilihanraya Kecil Sabah adalah **diwajibkan** untuk menjalani ujian saringan Covid-19 (*swab test*) setelah pulang ke Semenanjung Malaysia. Sementara menunggu keputusan ujian saringan, pegawai dan pengkhidmat dikehendaki bekerja dari rumah. Keputusan ujian saringan perlu dikemukakan ke UPSM dengan kadar segera sebelum pegawai dan pengkhidmat dibenarkan masuk ke mana-mana premis LGM.

4. Kos ujian saringan Covid-19 adalah dibawah tanggungan LGM dengan syarat ujian mestilah dilakukan di **Hospital Ampang sahaja** bagi pegawai dan pengkhidmat yang bertugas di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala, pegawai dan pengkhidmat yang bertugas di kawasan selain itu, ujian saringan perlulah di buat di **hospital kerajaan terdekat**. Tuntutan boleh dikemukakan ke UPSM untuk proses kelulusan.

5. Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Tini binti Gishamsuddin di talian 03-92062000 ext 2302 atau emel [tini@lqm.gov.my](mailto:tini@lqm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

  
**(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)**

S.k Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pengarah-pengarah Bahagian